

Derma Kilat Covid-19

Oleh: Siti Noor Jannah Hamdan

BUKIT MINYAK: Pada 28 Oktober yang lalu, Persatuan Talaqqi Pulau Pinang dengan kerjasama Ahli Dewan Masjid Tn Hj Muhd Desa telah menganjurkan Program Derma Kilat Covid-19 bagi membantu mangsa yang terjejas akibat penularan wabak ini.

Program itu telah berlangsung selama seminggu dan seramai 100 orang penduduk telah dipilih untuk sumbangan bantuan sempena program itu.

Ketua Pengarah Persatuan Talaqqi Pulau Pinang (PTPP), Mohd Ridhwan Mohd Nasir berkata tujuan utama program itu dianjurkan adalah untuk membantu meringankan beban segelintir keluarga yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan.



Peserta menerima barang keperluan dapur dan wang saku.

“Sebenarnya masih ramai lagi penduduk yang perlu diambil perhatian, kami cuba sedaya upaya menjadi barisan hadapan dalam membantu meringankan beban kerajaan menangani masalah ini,” katanya.

Beliau juga menegaskan bahawa semua orang bertanggungjawab menjaga kebajikan sesama rakyat terutamanya sejak kewujudan wabak ini.

Antara barangan yang disumbangkan kepada mereka ialah barangan yang berbentuk keperluan asas harian seperti beras, garam, gula, susu dan sebagainya selain wang tunai sebanyak RM100. Barangan tersebut telah dihantar dengan menggunakan sebuah lori kargo ke setiap rumah di sekitar Daerah Seberang Perai Tengah.

Terdapat seramai 30 orang ahli Persatuan Talaqqi Pulau Pinang (PTPP) beserta ahli qariah masjid Tn Hj Muhd Desa yang turun padang bagi membantu menjayakan program ini.

Kesemua isi rumah yang terjejas telah dipilih dan disenaraikan dengan teliti bagi memastikan kesejahteraan mereka serta keluarga, pihaknya telah membuat catuan dari rumah ke rumah sebelum melaksanakan program itu bagi membantu penduduk- penduduk yang terjejas tersenarai di dalam program ini.



Kelihatan ketua program memberi ucapan kepada peserta Program Derma Kilat Covid 19

Sebelum program ini dianjurkan, Persatuan Talaqqi Pulau Pinang (PTPP) telah membuka gerai kecil di dalam kawasan Masjid Tn Hj Muhd Desa untuk mencari dana melalui penjualan beras yang dipek dengan plastik yang lebih kecil dengan harga sederhana.

Selain itu, mereka juga menjual barang-barang keperluan asas dengan harga yang lebih mahal berbanding kedai-kedai runcit kerana mahu mengaut keuntungan dengan lebih cepat untuk meraih sedikit dana bagi menganjurkan program itu.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), orang ramai jarang membeli-belah ke pasar borong, kedai runcit dan sebagainya kerana mahu mengelakkan daripada dijangkiti virus Covid-19.

Justeru, gerai kecil yang dibuka oleh mereka mendapat kunjungan ramai terutama sekali orang yang mahu ke masjid.



Kelihatan rumah penerima bantuan sumbangan covid-19 yang semkin

“Kami telah membuat jualan sambil menderma selama seminggu sebelum melangsungkan program tersebut di Masjid Tn Hj Muhd Desa bagi memberikan peluang kepada orang ramai untuk membeli sambil bersedekah kepada yang memerlukan terutama sekali pada hari jumaat yang barakah.

“Alhamdulillah jualan kami mendapat sambutan apabila hampir semua penduduk menyertai jualan kami bagi menyokong usaha kami menjayakan program ini” katanya.

Mohd Ridhwan berkata, mereka juga menyediakan tabung bergerak yang merupakan tabung bantuan program derma Kilat Covid-19 bagi memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan sedikit wang bagi membantu melaksanakan program itu.

Katanya, tabung itu diletakkan di setiap penjuru masjid selama seminggu sebelum program dan kesemua penduduk yang menyertai program ini terdiri daripada golongan yang kehilangan pekerjaan serta pendapatan yang terjejas,” katanya.

Selain mengucapkan tanda syukur dengan bantuan dan pemerhatian daripada pihak luar di atas keperitan yang mereka lalui semenjak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), mereka juga turut melahirkan ucapan terima kasih kepada Persatuan Talaqqi Pulau Pinang serta Ahli Dewan masjid Tn Hj Muhd Desa yang telah bertungkus-lumus menganjurkan program ini.